

Bukan urusan JPPH

Suhaila Shahrul Annuar
suhaila.shahrul@nstp.com.my

Putrajaya

Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH), Kementerian Kewangan tidak terbabit dalam urusan penentuan cukai taksiran harta tanah negeri kerana ia dilaksanakan sendiri pihak berkuasa tempatan (PBT).

Ketua Pengarah Penilaian dan Perkhidmatan Harta Nordin Daharom berkata, penentuan jumlah cukai harta tanah tertakluk kepada polisi kerajaan negeri masing-masing, khususnya melalui Kaedah Tanah Negeri.

Beliau berkata, JPPH hanya berperanan sebagai penasihat kepada kerajaan negeri dalam mengesyor-

■ Penentuan cukai taksiran hartanah dilaksana sendiri PBT

kan nilai harta tanah yang berpatutan bagi pelbagai maksud seperti bayaran premium untuk menukar syarat, permohonan pemilikan tanah dan perlanjutan pajakan manakala penentuan cukai taksiran dilaksanakan sendiri oleh PBT.

Menurutnya, penilaian sesuatu harta tanah adalah berasaskan kepada nilai pasaran yang bergantung kepada permintaan dan penawaran sesuatu jenis harta tanah iaitu bukti jual beli terkini di sesuatu kawasan berkenaan.

"Nilai pasaran adalah berdasarkan harga jual beli harta tanah sebanding di kawasan sekitar. Satu pendekatan nilai yang digu-

nakan dalam menentukan nilai pasaran adalah kaedah perbandingan. Berdasarkan kaedah ini, jual beli yang sebanding di kawasan sekitar diambil kira dan dibuat pelarasan," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Beliau mengulas mengenai artikel dikeluarkan dalam sebuah akhbar, baru-baru ini berkaitan cukai harta tanah di Selangor dan Pulau Pinang yang mendakwa kerajaan negeri tidak mempunyai kuasa bagi urusan kenaikan cukai hartanah, sebaliknya ia diputuskan melalui taksiran JPPH di bawah Kerajaan Persekutuan.

Menurutnya, JPPH memainkan peranan penting

dalam pembangunan negara dengan memberikan perkhidmatan yang boleh dipercayai, menepati masa dan profesional terutama sebagai penasihat dan pakar runding kepada kerajaan dan agensinya dalam segala aspek berkaitan dengan penilaian, perundingan dan perkhidmatan harta.

Katanya, fungsi dan tugas JPPH termaktub mengikut Akta Penilai, Pentaksir, Ejen Harta Tanah dan Pengurus Harta 1981 (Akta 242) yang turut memperuntukkan bahawa Ketua Pengarah Penilaian dan Perkhidmatan Harta dilantik sebagai Presiden Lembaga Penilai, Pentaksir, Ejen Harta Tanah dan Pengurus Harta, Malaysia.